

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 18/8/2016

Muka surat: 5

Tajuk : UNIMAS semakin maju dalam penyelidikan, inovasi

UNIMAS semakin maju dalam penyelidikan, inovasi

Peroleh 62 geran penyelidikan dengan nilai RM5.3 juta, harta intelek bernilai RM1.4 juta telah difailkan

Oleh Patricia Gari

KOTASAMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) semakin maju dalam bidang penyelidikan dan inovasi, kata Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Profesor Dr Wan Hashim Wan Ibrahim.

Beliau berkata pada tahun 2015 sahaja UNIMAS telah berjaya memperoleh 62 geran penyelidikan dengan nilai keseluruhan RM5.3 juta dan harta intelek bernilai RM1.4 juta telah difailkan.

"Saya berharap para ahli akademik dapat terus bergiat aktif dalam penyelidikan berimpak tinggi yang akan menghasilkan ilmu bermanfaat kepada manusia sejagat," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika berucap pada Ceramah Umum oleh Profesor Ei-Ichi Negishi di Pusat Islam Tun Abang Salahuddin (PITAS) UNIMAS di sini, semalam.

Hadir sama Pro Canselor ANIMAS Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang dan Pengerusi Institut Kimia Malaysia (IKM) Sarawak Dr Alvin Chai Lian Kuet.

Menurut Wan Hashim ketika ini 315 penuntut di Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS) UNIMAS melakukan penyelidikan dalam sains alam dan fizikal, 80 daripada mereka merupakan pelajar bidang kimia.

Justeru katanya, ceramah umum itu diadakan dengan tujuan berkongsi ilmu, memberi inspirasi dan secara tidak langsung menyediakan peluang terbaik kepada peserta berinteraksi terus dengan Profesor Ei-Ichi, pemenang

“ Saya berharap para ahli akademik dapat terus bergiat aktif dalam penyelidikan berimpak tinggi yang akan menghasilkan ilmu bermanfaat kepada manusia sejagat. ”

Profesor Dr Wan Hashim Wan Ibrahim
Timbalan Naib Canselor UNIMAS

Anugerah Nobel (kimia).

"Adalah diharapkan 315 pelajar pascasiswazah (FSTS) UNIMAS dalam bidang sains dapat mempelajari bagaimana penyelidikan saintifik dapat memajukan negara dan manusia sejagat," katanya.

Ceramah umum itu dianjurkan bersama UNIMAS dan IKM sempena Persidangan Pendidikan Kimia Antarabangsa

(ICCE) yang diadakan di Kuching.

Ei-Ichi lahir pada 1935 berasal dari Jepun telah bertugas lebih 30 tahun sebagai penyelidik di Purdue University, Amerika Syarikat.

Pada Disember 2010 beliau menerima Anugerah Nobel dalam bidang kimia atas sumbangannya membangunkan tindak balas berasaskan logam



KONGSI ILMU: Ei-Ichi menjawab soalan daripada peserta ceramah umum. Turut kelihatan Profesor Dr Lau Seng.

dikenali 'pengganding silang bermangkin paladium,

yang membolehkan substests kompleks sebatian organik

berlaku lebih mudah dan berkesan.